



**GARIS PANDUAN
PEMBANGUNAN INDUSTRI BURUNG WALIT
(1GP)**

Januari 2010

oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI

WISMA TANI, PRESINT 4

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

62624 PUTRAJAYA

MALAYSIA

KANDUNGAN

Muka Surat

0	Prakata	4
1	Rujukan	6
2	Definisi	7
3	Pengenalan	13
4	Premis Perladangan Burung Walit	
4.1	Aspek Perancangan Premis Perladangan Sedia Ada.....	15
4.2	Aspek Perancangan Premis Perladangan Baru.....	17
4.3	Lesen Premis Perladangan	21
4.4	Amalan Baik Penternakan Haiwan [<i>Good Animal Husbandry Practices (GAHP)</i>].....	24
4.5	Kawalan Operasi (Penguatkuasaan).....	30
5	Premis Pemprosesan Sarang Burung Walit	
5.1	Aspek Perancangan Premis Pemprosesan Sedia Ada	31
5.2	Aspek Perancangan Premis Pemprosesan Baru.....	33
5.3	Lesen Premis Pemprosesan	36
5.4	Amalan Baik Pengilangan [<i>Good Manufacturing Practices (GMP)</i>].....	39
6	Eksport dan Import Sarang Burung Walit	
6.1	Eksport.....	46
6.2	Import.....	51
7	Pendaftaran dan Pengenalan (Daya Jejak) Premis Perladangan dan Pemprosesan Sarang Burung Walit serta Produk oleh JPV	
7.1	Pendaftaran Premis.....	55

8 Pendaftaran Premis Pemprosesan Produk Sarang Burung Walit bagi Tujuan Produk Makanan untuk Manusia dan Daya Jejak oleh KKM

8.1 Pendaftaran Premis..... 58

9 Perkongsian Maklumat..... 60

Penghargaan..... 61

Lampiran

Senarai

Rajah

Rajah 1: Pendaftaran dan Perlesenan Premis Walit Bersyarat (1 tahun)-Bagi Premis Sedia Ada 62

Rajah 2: Permohonan Pendaftaran dan Perlesenan Premis Walit-Baru..... 63

Rajah 3: Pembaharuan Lesen Premis Walit..... 64

Rajah 4: Tatacara Permohonan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) Sarang Burung Walit oleh Premis Bersijil SALT/GMP/VHM..... 65

Rajah 5: Tatacara Permohonan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) Sarang Burung Walit oleh Premis Tidak Bersijil SALT/GMP/VHM..... 66

Rajah 6: Tatacara Permohonan Permit Eksport Sarang Burung Walit 67

Rajah 7: Tatacara Permohonan Permit Import Sarang Burung Walit..... 68

Rajah 8: Kitaran Tahunan Pembiakan Burung Walit..... 69

Senarai

Jadual

Jadual 1: Perbezaan di antara Burung Walit (*Edible-Birdnest Swiftlet*) dengan Burung Layang-Layang (*Swallows*)..... 13

0 PRAKATA

Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit bersepadu (1GP) disediakan untuk menggariskan kriteria yang perlu dipatuhi berhubung penjagaan premis perladangan, premis pemprosesan dan kebajikan haiwan. Ia merangkumi legislatif Kerajaan sedia ada bagi urusan pelesenan dan pendaftaran premis perladangan serta pemprosesan. Di samping itu, 1GP menggariskan standard untuk sistem rekod, pembungkusan, pelabelan, pengangkutan, import dan eksport, kawalan penyakit, spesifikasi, penggredan, fasiliti, asing singkir serta pelupusan secara berperikemanusiaan. Dokumen ini adalah dinamik dan ianya selari dengan teknologi yang sentiasa berubah, penemuan saintifik dan pengalaman kumulatif industri berkenaan.

Garis panduan juga mengandungi cadangan untuk membantu agensi berwajib atau pihak swasta iaitu pemilik dan pengusaha burung walit saling bekerjasama membuat perancangan serta pembangunan. Garis panduan ini akan digunakan di seluruh negara untuk semua jenis premis burung walit bagi *Edible-Birdnest Swiftlets*. Garis panduan ini juga menghuraikan lakaran peraturan, undang-undang atau kaedah tatacara pelesenan yang mesra alam dan mesra awam.

Dokumen ini menekankan Amalan Baik Penternakan Haiwan - *Good Animal Husbandry Practices* (GAHP) iaitu tatacara pengurusan ternak dan premis, pengangkutan, amalan-amalan pentadbiran, daya jejak dan kebajikan haiwan. Dari sudut pengembangan aktiviti perusahaan burung walit untuk berkembang di landasan yang baik, teratur dan terkawal maka, garis panduan ini juga membantu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBDSM) dalam perancangan dan pembangunan yang melibatkan industri burung walit. Ini merangkumi lokasi, reka bentuk, fasad dan keadaan premis yang harmoni serta alam persekitaran bandar dan desa terpelihara dan nilai estetik terjaga. Kesejahteraan hidup orang awam dan masyarakat berhampiran adalah terjamin dengan berlandaskan 1GP ini.

Garis panduan ini juga memberi tatacara pemprosesan sarang burung walit mengikut *Good Manufacturing Practices* (GMP). Ia merangkumi pemilihan, pembersihan, pembungkusan dan pelabelan dengan spesifikasi yang digariskan. Persampelan makmal juga menerangkan kaedah dan ujian-ujian yang perlu dijalankan.

1GP ini adalah panduan asas untuk membantu Jabatan teknikal dan agensi Kerajaan memantau dan mengawal selia industri secara *luwes* bagi menjadikan industri burung walit berkembang maju dan lestari.

1 RUJUKAN

1.1 Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)

- a) Akta Binatang 1953 (Semakan 2006) [Akta 647]
- b) Akta Doktor Veterinar 1974 [Akta 147]
- c) Akta Makanan Haiwan 2009 [Akta 698]
- d) MS 2027:2006, Amalan Baik Penternakan Haiwan (GAHP)
- e) MS 2273:2009, *Good Animal Husbandry Practice - Edible-Birdnest Swiftlet Ranching and Its Premises*
- f) MS 2333:2010 (P) - *Good Manufacturing Practices (GMP) for Processing Raw-Clean and Raw-Unclean EBN*
- g) MS 2334:2010 (P) - *Edible-Birdnest (EBN) - Specification*
- h) Sijil Amalan Ladang Ternakan 2003 (SALT)
- i) *Veterinary Health Mark (VHM)*

1.2 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

- a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] : Subseksyen 19 (1) dan Seksyen 22 (A) bagi keperluan kebenaran merancang.
- b) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] : Seksyen 107 dan 110 bagi tujuan pelesenan dan penguatkuasaan.
- c) Akta Jalan, Parit dan Bangunan [Akta 133] : Seksyen 70 bagi keperluan permohonan pelan bangunan.
- d) Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam, 1988 yang diguna pakai oleh PBT bagi perkara-perkara melibatkan pengubahsuaian bangunan sedia ada untuk tujuan perusahaan burung walit.
- e) Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian yang diguna pakai oleh PBT untuk penguatkuasaan.

1.3 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- a) Akta Makanan 1983 [Akta 281]
- b) Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [P.U.(A)437]
- c) Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009

1.4 Jabatan Warisan Negara (JWN)

- a) Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645)

2 DEFINISI

2.1 Ajuk bunyi

Panggilan bunyi kicauan bagi tujuan memanggil burung walit dengan menggunakan alat pemanggil.

2.2 Amalan Baik Pemprosesan (GMP)

Satu ketetapan peraturan, kod dan garis panduan yang digunakan bagi mengawal tatacara operasi di loji makanan sesuai untuk pengeluaran makanan yang selamat.

2.3 Bahan cemar

Apa-apa agen biologikal atau bahan kimia, bendasing atau bahan lain yang bukan bertujuan untuk ditambah ke dalam makanan yang boleh menggugat kesesuaian dan keselamatan makanan.

2.4 *Central Business District* (CBD – Pusat Bandar)

Kawasan atau daerah yang menjadi tumpuan pelbagai kegiatan atau tempat yang menjadi punca segala aktiviti utama dan tempat terdapat segala kemudahan untuk keperluan sesuatu daerah atau negeri.

2.5 *Certificate of Completion and Compliance* (CCC)

Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) adalah sijil yang dikeluarkan oleh para profesional (Arkitek atau Jurutera Profesional) yang memperakukan suatu bangunan telah siap dan selamat untuk didiami melalui pendekatan *self-regulation* dan *self-certification* di bawah Akta 133 bermula pada April 2007 bagi menggantikan CFO.

2.6 Certificate of Fitness for Occupation (CFO)

Perakuan Kelayakan Menduduki (CFO) adalah dokumen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) kepada pemilik bangunan selepas pembinaan sesuatu bangunan siap dan selamat untuk didiami.

~~**2.7 Convention on International Trade in Endangered Species (CITES)**~~

~~Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora.~~ (akan dikeluarkan selepas diterima Jemaah Menteri)

2.8 EBN

Sarang burung walit (*Edible-birdnest*).

2.9 EBN diproses

Edible-birdnest (EBN) mentah yang telah dibersihkan untuk kegunaan pemprosesan atau penyediaan selanjutnya sebelum boleh digunakan.

2.10 EBN ladang

Sarang burung walit yang dihasilkan dari premis buatan manusia.

2.11 EBN gua

Sarang burung walit yang dihasilkan dari gua.

2.12 EBN-mentah belum bersih (*Raw-unclean EBN*)

EBN yang dituai dari gua dan premis termasuk pengasingan, penggredan, perapian, penimbangan dan pembungkusan tanpa sebarang proses pembersihan.

2.13 EBN-mentah siap bersih (*Raw-clean EBN*)

EBN yang telah dibersihkan dan telah melalui proses-proses pengasingan, rendaman, buang bulu dan kotoran, pembentukan, pengeringan, penggredan serta pembungkusan.

2.14 *Edible-birdnest (EBN) Swiftlet*

Burung walit yang mengeluarkan sarang yang boleh diguna pakai.

2.15 *Fasad*

Rupa muka bahagian hadapan bangunan.

2.16 *Fledgling*

Peringkat tumbesaran anak burung sehingga tumbuh bulu dan berupaya untuk terbang.

2.17 *Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP)*

Suatu pendekatan sistematik terhadap pengenalpastian, penilaian risiko dan *severity*, dan kawalan hazad biologikal, kimia dan fizikal yang dikaitkan dengan amalan atau proses pengeluaran makanan tertentu.

2.18 *Jack-roof*

Struktur yang dibina di atas bumbung premis burung walit untuk laluan keluar masuk burung walit.

2.19 *Kawasan perumahan*

Suatu kawasan yang mengandungi lebih daripada empat (4) unit rumah sebagai tempat tinggal.

2.20 *Kad pengenalan premis haiwan*

Dokumen pendaftaran premis burung walit.

2.21 Kebenaran merancang

Menurut Subsekyen 19 (1), Akta 172 memperuntukkan tiada sesiapa pun, selain pihak berkuasa tempatan, boleh memulakan, mengusahakan atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan pemajuan itu telah mendapat kebenaran merancang daripada Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT).

2.21 Kebersihan makanan

Semua langkah-langkah dan keadaan yang perlu untuk mengawal bahaya bagi memastikan keselamatan makanan dan juga bersesuaian tujuan kegunaannya.

2.22 Ketidaktulenan

Bahan asing di dalam EBN mentah yang belum dibersihkan seperti kotoran, rumput, ranting, kayu, bulu, kulit telur, simen, kepingan cat atau unsur-unsur nyata yang lain.

2.23 *Nestlings*

Anak burung yang belum cukup matang untuk meninggalkan sarang.

2.24 Palang-palang kayu (*Batten*)

Tempat burung walit membuat sarang.

2.25 Pelan bangunan

Menurut Subseksyen 70 (1) dan (2), Akta 133 menyatakan tiada seseorang boleh mendirikan sesuatu bangunan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan dan seseorang yang bercadang mendirikan sesuatu bangunan hendaklah menyebabkan untuk dikemukakan oleh orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan kepada pihak berkuasa tempatan apa-apa pelan dan penentuan sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini.

2.26 Perladangan burung walit

Penternakan di bawah persekitaran terkawal dalam premis buatan manusia.

2.27 Pelesenan premis

Menurut Seksyen 107, Akta 171 ialah sesuatu lesen atau permit, sesuatu PBT boleh menetapkan bayaran bagi lesen atau permit itu dan caj bagi memeriksa atau menyelia apa-apa tred, pekerjaan atau premis yang mengenainya lesen itu diberi berhubung bangunan premis.

2.28 Pembersihan EBN

Proses-proses yang merangkumi rendaman, pembasahan, pelembapan, pengasingan kotoran dan bulu daripada EBN untuk memperoleh produk berkualiti dan selamat.

2.29 Persekitaran premis

Tahap pencemaran makanan diminimumkan di kawasan bebas unsur-unsur yang berpotensi mendatangkan kemudaratan.

2.30 Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Malaysia

Payung kepada pelbagai persatuan EBN di Malaysia.

2.31 Pihak Berkuasa Veterinar

Pegawai-pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar mengikut Seksyen 21, Akta Binatang 1953 (Semakan 2006).

2.32 Premis Pemprosesan

- (i) Premis yang digunakan untuk tujuan membersihkan EBN dari kekotoran, bulu dan lain-lain bendasing.
- (ii) Premis yang digunakan untuk menghasilkan bahan makanan sedia dimakan untuk manusia dan bahan kosmetik.

2.33 Pusat Daftar Setempat

Pusat Daftar Setempat di mana premis burung walit diberi tanda pengenalan *Radio Frequency Identification Device (RFID)* dan didaftarkan di dalam sesawang di JPV.

2.34 Pusat Tumpuan Utama Aktiviti Bandar

Satu tempat yang menjadi tumpuan pelbagai kegiatan dan aktiviti utama ekonomi atau sosial serta terdapat semua kemudahan untuk keperluan penduduk setempat.

3 PENGENALAN

Ramai pengusaha telah cuba menerokai halaman baru dalam penuaian sarang burung walit ini dari perspektif perladangan yang berperikemanusiaan, ekonomik, lestari pada populasi burung walit serta mesra alam sekitar berbanding cara tradisi. Jadual 1 menunjukkan perbezaan di antara burung walit (*edible-birdnest swiftlet*) dengan burung layang-layang (*swallows*):

Jadual 1

Kategori	Burung Walit	Burung Layang-layang
Order	Apodiformes - Tangkas terbang di udara <i>(Aerial agility)</i>	Passerines <i>(gripping feet)</i>
Bilangan Spesies	8	74
Habitat	<i>Homing behaviour (Nest-site fidelity)</i>	Kebanyakan berhijrah
Pembinaan sarang	Rembesan daripada salah satu dari liang liur untuk membuat sarang <i>(Secretion from the gland near the salivary gland to make nest)</i>	Rumput, tanah liat, ranting dan bulu dibuat sebagai sarang

Burung walit menggunakan ekolokasi (*echolocation*) untuk mengemudi dalam keadaan gelap dan untuk mengelakkan pelanggaran dengan objek-objek semasa terbang. Burung walit dapat menyesuaikan diri dengan pelbagai iklim dan habitat.

Sarang burung walit adalah sarang burung yang paling dikagumi. Sarangnya tiada berliku-liku, berwarna-warni atau menawan. Masyhurnya sarang burung walit disebabkan ianya adalah ramuan asas sup sarang burung di merata dunia. Sarang burung walit sangat berharga dan tuaian daripada premis di seluruh negara memberi hasil berjuta-juta ringgit setiap tahun bagi pengusaha premis burung walit atau premis pemprosesan di Malaysia.

4 PREMIS PERLADANGAN BURUNG WALIT

4.1 Aspek Perancangan Premis Perladangan Sedia Ada

4.1.1 Kawasan Bandar

- a) Lokasi yang tidak dibenarkan untuk aktiviti perladangan burung walit ialah di pusat tumpuan utama aktiviti bandar.
- b) Premis sedia ada yang terletak di kawasan bandar tetapi bukan di dalam pusat tumpuan utama aktiviti bandar adalah dibenarkan terus beroperasi mengikut garis panduan yang disediakan di bawah GAHP.
- c) Premis sedia ada di pusat tumpuan utama aktiviti bandar adalah dibenarkan terus beroperasi sehingga satu tempoh yang akan ditetapkan kemudian.
- d) Ubah suai fasad, tambahan bangunan dan pembesaran bangunan adalah tidak dibenarkan.
- e) '*Jack-roof*' perlu sesuai dan harmoni dengan bangunan persekitaran.
- f) Mendaftar dengan JPV dan membuat permohonan lesen premis kepada PBT yang terdekat.

4.1.2 Kawasan Luar Bandar

- a) Lokasi yang dibenarkan untuk aktiviti perladangan burung walit ialah:
 - i. Kawasan pertanian – kawasan ladang, perkebunan, akuakultur, aktiviti berkaitan dengan pelancongan berasaskan pertanian dan tanah pertanian kosong.
 - ii. Kawasan industri – kawasan industri ringan dan kluster.
- b) Lokasi yang tidak dibenarkan untuk aktiviti perladangan burung walit ialah sekolah, klinik kesihatan, tempat ibadat, kawasan taman permainan, kawasan kegunaan khas, rizab utiliti dan kawasan sensitif alam sekitar, kawasan tadahan air dan hutan simpanan kekal.
- c) Had ketinggian bangunan adalah tidak melebihi atau sama **12 meter**.
- d) Mengemukakan permohonan pendaftaran aktiviti perladangan kepada JPV.
- e) Mengemukakan permohonan lesen premis kepada PBT.

4.1.3 Tapak / Bangunan Warisan

Jawatankuasa Kerja Teknikal Bangunan Warisan (TWGBW) akan bersidang untuk menilai setiap premis perladangan burung walit di kawasan warisan. Ahli-ahli TWGBW terdiri daripada Jabatan Warisan Negara, JPV, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan wakil Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Malaysia. Berdasarkan penilaian ini, surat akuan akan diberi kepada PBT

untuk saranan kesesuaian aktiviti perladangan burung walit sama ada boleh diteruskan, dibatalkan atau diubahsuai berdasarkan syarat yang ditetapkan.

- a) Bangunan/tapak warisan adalah seperti mana yang telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia (*World Heritage Site*) oleh UNESCO atau telah diwartakan oleh Pesuruhjaya Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).
- b) Premis sedia ada dibenarkan terus beroperasi sehingga TWGBW bersidang dan keputusan diumumkan.
- c) Sebarang bentuk aktiviti untuk mengubah apa-apa fasad dan struktur luaran atau dalaman bangunan warisan perlu mendapat kelulusan TWGBW terlebih dahulu.
- d) Mengemukakan permohonan pendaftaran perladangan kepada JPV.
- e) Mengemukakan permohonan lesen premis kepada PBT.

4.1.4 Sekitar Lapangan Terbang

- a) Sempadan zon penampakan di sekitar lapangan terbang adalah berdasarkan Rancangan Tempatan kawasan berkaitan.
- b) Aktiviti perladangan walit adalah tidak dibenarkan di sekitar 10 km di kedua-dua hujung landasan kapal terbang melainkan mendapat kebenaran daripada Jabatan Penerbangan Awam Malaysia.

4.2 Aspek Perancangan Premis Perladangan Baru

4.2.1 Kawasan Bandar

- a) Lokasi yang tidak dibenarkan untuk aktiviti perladangan burung walit ialah di pusat tumpuan utama aktiviti bandar.
- b) Premis baru di kawasan bandar perlu mengikut GAHP.
- c) Premis burung walit yang menggunakan bangunan sedia ada perlu mengekalkan pintu dan tingkap sedia ada. Penutupan tingkap sedia ada perlu dibuat dari dalam.
- d) Laluan keluar masuk burung walit secara '*top entry*' adalah digalakkan.
- e) Reka bentuk bangunan termasuk '*jack-roof*' perlu menggunakan struktur yang kukuh, bersesuaian dan harmoni dengan bangunan sekitar.
- f) Zon penampakan minimum **50 / 20 meter** dari kawasan perumahan.
- g) Mengemukakan permohonan pendaftaran aktiviti perladangan kepada JPV dan membuat permohonan kebenaran merancang, pelan/permit bangunan dan lesen premis kepada PBT.

4.2.2 Kawasan Luar Bandar

- a) Lokasi yang dibenarkan untuk aktiviti perladangan walit ialah:
 - i. Kawasan pertanian – kawasan ladang, perkebunan, akuakultur, aktiviti berkaitan dengan pelancongan berasaskan pertanian dan tanah pertanian kosong. Hanya bangunan jenis sesebuah dibenarkan di kawasan pertanian.

- ii. Kawasan industri – kawasan industri ringan dan kluster (kurang daripada 50 premis dalam satu-satu kawasan). Jenis bangunan yang dibenarkan di kawasan industri ialah teres, berkembar dan sesebuah.

- b) Lokasi yang tidak dibenarkan untuk aktiviti perladangan burung walit ialah sekolah, klinik kesihatan, tempat ibadat, kawasan taman permainan, kawasan kegunaan khas, rizab utiliti dan kawasan sensitif alam sekitar, kawasan tadahan air dan hutan simpanan kekal.

- c) Syarat tanah ialah pertanian atau industri.

- d) Reka bentuk bangunan termasuk '*jack-roof*' perlulah menggunakan struktur yang kukuh, bersesuaian dan harmoni dengan kawasan sekitar.

- e) Had ketinggian bangunan adalah tidak melebihi atau sama **12 meter**.

- f) Premis burung walit yang menggunakan bangunan sedia ada perlu mengekalkan pintu dan tingkap sedia ada. Penutupan tingkap sedia ada perlu dibuat dari dalam.

- g) Laluan keluar masuk walit secara '*top entry*' adalah digalakkan.

- h) Perlu menyediakan zon penampan minimum **50 / 20 meter** dari kawasan perumahan.

- i) Mengemukakan permohonan pendaftaran aktiviti perladangan kepada JPV.

- j) Mengemukakan permohonan kebenaran merancang, pelan/permit bangunan dan lesen premis kepada PBT.

4.2.3 Tapak / Bangunan Warisan

Jawatankuasa Kerja Teknikal Bangunan Warisan (TWGBW) akan bersidang untuk menilai setiap premis perladangan burung walit di kawasan warisan. Ahli-ahli TWGBW terdiri daripada Jabatan Warisan Negara, JPV, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan wakil Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Malaysia. Berdasarkan penilaian ini, surat akuan akan diberi kepada PBT untuk saranan kesesuaian aktiviti perladangan burung walit sama ada boleh diteruskan, dibatalkan atau diubahsuai berdasarkan syarat yang ditetapkan.

- a) Bangunan/tapak warisan adalah seperti mana yang telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia (*World Heritage Site*) oleh UNESCO atau telah diwartakan oleh Pesuruhjaya Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).
- b) Premis baru dibenarkan setelah TWGBW bersidang dan keputusan diumumkan.
- c) Sebarang bentuk aktiviti untuk mengubah apa-apa fasad dan struktur luaran atau dalaman bangunan warisan perlu mendapat kelulusan TWGBW terlebih dahulu.
- d) Mengemukakan permohonan pendaftaran perladangan kepada JPV.
- e) Mengemukakan permohonan lesen premis kepada PBT.

4.2.4 Sekitar Lapangan Terbang

- a) Sempadan zon penampakan di sekitar lapangan terbang adalah berdasarkan Rancangan Tempatan kawasan berkaitan.
- b) Aktiviti perladangan walit adalah tidak dibenarkan di sekitar 10 km di kedua-dua hujung landasan kapal terbang melainkan mendapat kebenaran daripada Jabatan Penerbangan Awam Malaysia.

4.3 Lesen Premis Perladangan

4.3.1 Keperluan Lesen

- a) Mana-mana pengusaha yang menjalankan aktiviti perladangan burung walit di mana-mana tempat atau premis dalam kawasan PBT dengan terlebih dahulu mendapat lesen daripada PBT.
- b) Setiap lesen yang dikeluarkan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan atau dikenakan di dalamnya dari semasa ke semasa.
- c) Setiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil PBT hendaklah menyatakan nama pemegang lesen, letaknya premis dan alamat surat-menyurat.
- d) Setiap pemegang lesen hendaklah sentiasa mempamerkan salinan lesennya pada setiap masa di suatu tempat yang mudah dilihat di premis yang dilesenkan itu dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai PBT.
- e) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mempamerkan atau gagal mengemukakan lesen apabila diminta berbuat demikian oleh pegawai PBT adalah melakukan satu kesalahan.

4.3.2 Syarat Permohonan Lesen

- a) Semua pengusaha yang menjalankan aktiviti perladangan burung walit perlu mengikuti kursus Amalan Baik Penternakan Burung Walit (GAHP) sekali sahaja yang diselaraskan oleh JPV dan menyertakan sijil kehadiran kursus semasa mengemukakan permohonan lesen.
- b) Setiap premis burung walit perlu memperolehi CFO/CCC atau permit bangunan atau resit cukai pintu terkini.
- c) Pemohon digalakkan menjadi ahli Persatuan Pengusaha Burung Walit mengikut negeri.

4.3.3 Proses Permohonan Lesen

- a) Proses permohonan lesen boleh dikemukakan melalui kaunter PBT atau secara *on-line*, (e-PBT).
- b) JPV menyerahkan ulasan kepada PBT dokumen berkaitan perakuan.
- c) PBT membawa permohonan ke Jawatankuasa Pelesenan PBT berkaitan untuk pertimbangan dan kelulusan.
- d) PBT memaklumkan keputusan sama ada lulus atau tolak kepada pemohon.
 - Rujuk Rajah 1: Proses Pendaftaran Dan Pelesenan Premis Burung Walit Bersyarat (1 tahun)
 - Rujuk Rajah 2: Proses Pembaharuan Lesen Premis Burung Walit
 - Rujuk Rajah 3: Proses Permohonan Lesen Untuk Premis Baru

4.3.4 Tempoh Sah Laku Lesen

- a) Tempoh sah laku lesen adalah sehingga 3 tahun. Tarikh luput lesen adalah pada tarikh yang sama tahun berikutnya, iaitu sama seperti yang diamalkan bagi permohonan lesen memandu.
- b) PBT boleh menurut budi bicaranya untuk tidak memberi atau memperbaharui, membatalkan, memotong atau menggantung sesuatu lesen, meminda atau mengubah tempoh, had dan syarat-syarat lesen setelah memberi sebab dalam tempoh yang munasabah.
- c) PBT boleh dalam mana-mana kes sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran terhadap undang-undang kecil ini atau syarat-syarat yang ditetapkan atau dikenakan ke atas sesuatu lesen, membatalkan atau menggantung lesen itu mengikut keputusan Jawatankuasa Pelesenan PBT.

4.3.5 Fi Lesen

- a) Fi lesen ditetapkan oleh PBT berdasarkan Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian PBT.
- b) Bayaran yang dibayar bagi sesuatu lesen tidak boleh dibayar balik apabila sesuatu lesen itu dibatalkan atau digantung.

4.3.6 Pindah Milik Lesen

Sebarang urusan yang berkaitan pindah milik lesen adalah berdasarkan Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian PBT.

4.3.7 Tanggungjawab Pemegang Lesen

Pemegang lesen hendaklah mematuhi semua syarat pelesenan seperti yang telah ditetapkan dalam garis panduan dan Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian PBT.

4.4 Amalan Baik Penternakan Haiwan (GAHP) untuk Burung Walit Spesifikasi – Premis Perladangan Walit

Ciri-ciri minimum yang dikehendaki dalam amalan penternakan burung walit ditentukan dalam *Malaysian Standard (MS 2273:2009 - Good Animal Husbandary Practice for Edible-Nest-Swiftlets, Premises and Its Produce)*. Ia berkaitan penetapan amalan baik penternakan haiwan untuk peningkatan dan penghasilan berlanjutan secara berterusan, jaminan kesihatan, keselamatan dan keselesaan kepada pengusaha dan haiwan tanpa menjejaskan alam sekitar.

4.4.1 Kriteria GAHP adalah seperti berikut:

4.4.1.1 Kepakaran dan Tanggungjawab Pengusaha

Pengusaha dipertanggungjawabkan untuk melatih pekerja berkenaan burung walit, cara pengendalian secara baik dan penggunaan alatan. Pekerja diberi kursus sebelum tugas diberi berkaitan pengurusan burung walit. Pekerja perlu peka dan berkebolehan mengenal pasti perilaku yang menunjukkan haiwan yang tidak sihat atau selesa dan bila ianya perlu dilihat dengan kadar segera oleh Doktor Perubatan Veterinar. Ia adalah kewajipan pengusaha untuk memastikan kesemua pekerjanya cukup berpengetahuan bagi pengendalian haiwan di bawah jagaan mereka.

4.4.1.2 Kezaliman dan Pengabaian

Definisi adalah:

- a) Menganiayakan mana-mana haiwan di bawah jagaan atau pengawalseliaanya.
- b) Mengabaikan mana-mana haiwan yang menyebabkan ianya mengalami kesakitan, ketidakselesaan ataupun keresahan.
- c) Gagal memberi keperluan bahan-bahan makanan yang mencukupi untuk menampung berat badan dalam keadaan fisiologi biasa bagi spesies, jenis, umur serta jantina selari dengan keadaan keliling semasa.
- d) Membuang atau mengeluarkan mana-mana bahagian daripada anatomi haiwan itu tanpa memberi ubat pelali yang mencukupi.
- e) Mematikan, mengurung, memegang atau membawa mana-mana haiwan dalam keadaan yang boleh dihindarkan menyebabkan kesakitan, ketidakselesaan dan keresahan.
- f) membenarkan mana-mana haiwan untuk terus hidup, setelah disahkan bahawa ianya mengalami ketidakselesaan fizikal atau fisiologikal melainkan ianya diletak di bawah jagaan Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf.

Sekiranya haiwan diabaikan, dinafikan keperluan asasnya atau dizalimi atau dianiaya, maka menjadi kewajipan dan tanggungjawab semua untuk melaporkan kepada pihak berwajib. Kejahilan adalah bukan alasan untuk melakukan kezaliman ke atas mana-mana haiwan.

4.4.1.3 Penyakit-penyakit *Avian* yang wajib lapor yang diwartakan di bawah Akta Binatang 1953, Perkara 31 (1):

- a) *Newcastle disease*
- b) *Fowl pox*
- c) *Fowl cholera*
- d) *Pullorum disease*
- e) *Avian salmonellosis*
- f) *Avian infectious bronchitis*
- g) *Infectious laryngotracheitis*
- h) *Infectious bursal disease*
- i) *Marek's disease*
- j) *Avian encephalomyelitis*
- k) *Avian mycoplasmosis*
- l) *Avian chlamydiosis*
- m) *Avian spirochaetosis*
- n) *Colibacillosis*
- o) *Highly Pathogenic Avian Influenza (HPAI)*
- p) *Fowl typhoid*

4.4.1.4 Tanda-tanda burung walit itu sakit jika:

Apabila diperiksa atau ditangkap secara rawak:

- a) Cecair keluar dari lubang hidung, mata atau paruh
- b) Tompokan atau kopeng di kaki, mata atau lubang hidung
- c) Mata yang merah, bengkak dan mengeluarkan cecair
- d) Cirit-birit yang teruk, terutamanya jika ada tompokan darah
- e) Tidak berupaya untuk mencengkam dan tidak boleh berak
- f) Menunjukkan kesakitan
- g) Kekejangan atau tidak bermaya untuk berdiri/berjalan dsb.

- h) Tompokan botak atau kehilangan bulu yang teramat
- i) Murung dan tak bermaya
- j) Kepala menggeletar
- k) Perubahan pernafasan dari gaya yang biasa

4.4.1.5 Rekod Kesihatan

Rekod kesihatan dan pengeluaran hiliran dan huluan, makanan dan bukan makanan mesti dicatatkan. Mustahak juga adalah rekod tuaian, jenis sarang dan pengeluaran guano. Tarikh, frekuensi dan tatacara mana-mana ubatan digunakan. Kad pengenalan menggunakan mikrocip yang telah diluluskan oleh SIRIM adalah mengikut sekuens berikut:

458	1	---	-----
kod	kod	kod	sekuens
negara	haiwan	kilang	

4.4.1.6 Perihal Haiwan

Makanan dan minuman di mana boleh disediakan seperti mengadakan sumber serangga di dalam premis apabila burung walit sukar mencari serangga, contohnya semasa musim tengkujuh atau jerebu. Burung walit minum air di awan biru.

Pengendalian yang cermat dan baik akan mengurangkan tekanan kepada burung walit. Disarankan kurang dipegang untuk prosedur yang wajib seperti mengambil sampel, pemeriksaan premis dan sebagainya. Latihan untuk mengekang burung walit dengan betul disarankan. Burung walit selalunya mengawan di udara semasa terbang. Burung walit ini hanya berpasangan dengan seekor sahaja seumur hidupnya dan hanya

akan mencari pasangan baru jika pasangannya mati. Pembiakan adalah singkat di aras laut rendah tetapi sebaliknya di aras tinggi.

Kedua-dua burung walit jantan dan betina membuat sarang. Sarang selalunya siap dalam masa 35 hingga 45 hari sebelum ianya mula bertelur. Apabila menetas, anak burung walit tidak berbulu dan buta selama 20 hari.

Perkara perlu diambil kira iaitu tuaian sarang hanya selepas burung walit telah cerai sarang atau tiada telur dan anak. Ini akan memastikan populasi burung walit tidak berkurangan.

Memastikan premis dan burung walit sihat adalah kewajipan pengusaha sendiri. Cara untuk memantau kesihatan gerompok (*herd health*) mesti diselaraskan oleh pihak berwajib. Rawatan atau tindakan yang wajar akan diambil. Mematikan burung walit secara perikemanusiaan hanya boleh dilakukan oleh Doktor Perubatan Veterinar yang bertauliah. Prosedur operasi dan ubatan hanya dijalankan oleh Doktor Perubatan Veterinar yang bertauliah atau di bawah seliaannya.

4.4.1.7 Fasiliti dan Alam Sekitar

Premis walit perlu mengadakan kelembapan, kehangatan dan kegelapan tertentu untuk memastikan ianya berdaya maju. Pastikan peralatan dijaga bersih dan berfungsi dengan baik. Pencegahan makhluk perosak atau pemangsa akan memastikan keselamatan sarang, telur, anak dan ibu bapa burung walit. Pastikan langkah-langkah ini di ruang keluar-masuk burung walit. Tempoh dan ciri-ciri ajuk burung ditekankan di dalam buku GAHP.

4.4.1.8 Kebersihan

- a) Rumah burung walit, persekitarannya dan mana-mana peralatan di dalamnya mesti disimpan bersih supaya haiwan selesa dan hindar dari penyakit.
- b) Semua premis burung walit mesti dibersihkan dan dihapus kuman menggunakan ubat pembasmi kuman disyorkan sekurang-kurangnya sekali seminggu.
- c) Alat pembersih dan disinfektan yang dipilih mesti berdasarkan kesesuaiannya, keselamatan dan efektif (pastikan disinfektan tidak bahaya pada burung walit dan telurnya). Gunakan ubat ini mengikut arahan pengilang.
- d) Semua premis burung walit mesti sentiasa kering.
- e) Guano (najis burung) mesti dipungut selalu dan jangan dibiarkan menimbun. Ianya boleh dijadikan tempat biaknya parasit yang boleh membawa penyakit. Guano perlu diperiksa untuk parasit luar. Jika terdapat sebarang parasit ianya perlu dibasmi dan guano dilupuskan mengikut garis panduan GAHP.
- f) Semua bekas di dalam premis dihapus kuman semasa guano dipungut.
- g) Fasiliti untuk membasuh perlu ada dan ianya bersambungan dengan premis. Kebersihan premis dapat menghindarkan penyakit dari manusia.

4.5 Kawalan Operasi (Penguatkuasaan)

4.5.1 Pelanggaran kepada Peraturan Pelesenan Premis

Pelanggaran kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171): Seksyen 107 dan 110 bagi tujuan pelesenan dan penguatkuasaan membolehkan PBT mengambil tindakan kompaun terhadap pengusaha.

4.5.2 Pelanggaran kepada Kaedah-Kaedah Binatang (Pendaftaran Premis bagi Burung Walit) 2010

Pelanggaran kepada Kaedah-Kaedah Binatang (Pendaftaran Premis bagi Burung Walit) 2010 membolehkan JPV mengambil tindakan terhadap pengusaha.

4.5.3 Pelanggaran kepada Aduan Ajuk Bunyi / Kacau Ganggu

Pengusaha yang membuat pelanggaran terhadap tempoh masa atau had ajuk bunyi seperti di bawah boleh diambil tindakan oleh PBT di bawah Seksyen 80, 81, 82 dan 84, Akta 171.

- a) Ajuk bunyi yang dibenarkan adalah tidak melebihi atau sama dengan 40dB.
- b) Corong suara ajuk bunyi dicondongkan pada 60 darjah menghala ke atas diukur 6 meter daripada dinding luar bangunan.
- c) Tempoh masa ajuk bunyi:
 - (i) di Semenanjung Malaysia ialah antara 7.00 pagi hingga 10.00 pagi dan 5.00 petang hingga 8.00 malam.
 - (ii) di Sabah dan Sarawak ialah antara 6.00 pagi hingga 9.00 pagi dan 4.00 petang hingga 7.00 petang.

5 PREMIS PEMROSESAN SARANG BURUNG WALIT

5.1 Aspek Perancangan Premis Pemprosesan Sedia Ada

5.1.1 Kawasan Bandar

- a) Premis sedia ada yang terletak di pusat tumpuan utama aktiviti bandar dan dalam kawasan bandar adalah dibenarkan terus beroperasi mengikut GMP.
- b) Ubah suai fasad, tambahan bangunan dan pembesaran bangunan dalaman berpandukan GMP.
- c) Mendaftar dengan JPV untuk mendapatkan sijil VHM dan daya jejak bagi tujuan kawalan penyakit haiwan.
- d) Mendaftar dengan KKM bagi tujuan persijilan HACCP dan GMP.
- e) Membuat permohonan lesen premis kepada PBT.

5.1.2 Kawasan Luar Bandar

- a) Lokasi yang dibenarkan untuk aktiviti pemprosesan sarang burung walit ialah:
 - i. Kawasan pertanian – kawasan ladang, perkebunan, akuakultur, aktiviti berkaitan dengan pelancongan berasaskan pertanian dan tanah pertanian kosong.
 - ii. Kawasan industri – kawasan industri ringan dan kluster.
- b) Lokasi yang tidak dibenarkan untuk aktiviti pemprosesan sarang burung walit ialah sekolah, klinik kesihatan, tempat ibadat, kawasan taman permainan, kawasan tadahan air dan hutan simpanan kekal.
- c) Mendaftar dengan JPV untuk mendapatkan sijil VHM dan daya jejak bagi tujuan kawalan penyakit haiwan.

- d) Mendaftar dengan KKM bagi tujuan persijilan HACCP dan GMP.
- e) Membuat permohonan lesen premis kepada PBT.

5.1.3 Tapak / Bangunan Warisan

Jawatankuasa Kerja Teknikal Bangunan Warisan (TWGBW) akan bersidang untuk menilai setiap premis pemprosesan sarang burung walit di kawasan warisan. Ahli-ahli TWGBW terdiri daripada Jabatan Warisan Negara, JPV, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan Wakil Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Malaysia. Berdasarkan penilaian ini, surat akuan akan diberi kepada PBT untuk saranan kesesuaian aktiviti pemprosesan sarang burung walit sama ada boleh diteruskan, dibatalkan atau diubahsuai berdasarkan syarat yang ditetapkan.

- a) Bangunan/tapak warisan adalah seperti mana yang telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia (*World Heritage Site*) oleh UNESCO atau telah diwartakan oleh Pesuruhjaya Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).
- b) Premis sedia ada dibenarkan terus beroperasi sehingga TWGBW bersidang dan keputusan diumumkan.
- c) Sebarang bentuk aktiviti untuk megubah apa-apa fasad dan struktur luaran atau dalaman perlu mendapat kelulusan TWGBW terlebih dahulu.
- d) Mendaftar dengan JPV untuk mendapatkan sijil VHM dan daya jejak bagi tujuan kawalan penyakit haiwan.
- e) Mendaftar dengan KKM bagi tujuan persijilan HACCP dan GMP.

- f) Membuat permohonan lesen premis kepada PBT.

5.2 Aspek Perancangan Premis Pemprosesan Baru

5.2.1 Kawasan Bandar

- a) Aktiviti pemprosesan sarang burung walit di pusat tumpuan utama aktiviti bandar adalah dibenarkan dengan mengikut GMP.
- b) Ubah suai fasad, tambahan bangunan dan pembesaran bangunan dalaman berpandukan GMP.
- c) Mendaftar dengan JPV untuk mendapatkan sijil VHM dan daya jejak bagi tujuan kawalan penyakit haiwan.
- d) Mendaftar dengan KKM bagi tujuan persijilan HACCP dan GMP.
- e) Membuat permohonan lesen premis kepada PBT

5.2.2 Kawasan Luar Bandar

- a) Lokasi yang dibenarkan untuk aktiviti pemprosesan sarang burung walit ialah:
 - i. Kawasan pertanian – kawasan ladang, perkebunan, akuakultur, aktiviti berkaitan dengan pelancongan berasaskan pertanian dan tanah pertanian kosong.
 - ii. Kawasan industri – kawasan industri ringan dan kluster.

- b) Lokasi yang tidak dibenarkan untuk aktiviti pemprosesan sarang burung walit ialah sekolah, klinik kesihatan, tempat ibadat, kawasan taman permainan, kawasan kegunaan khas, rizab utiliti dan kawasan sensitif alam sekitar, kawasan tadahan air dan hutan simpanan kekal.
- c) Syarat tanah ialah pertanian atau industri.
- d) Had ketinggian bangunan adalah tidak melebihi atau sama **12 meter**.
- e) Mengikut keperluan yang digariskan dalam GMP.
- f) Mendaftar dengan JPV untuk mendapatkan sijil VHM dan daya jejak bagi tujuan kawalan penyakit haiwan.
- g) Mendaftar dengan KKM bagi tujuan persijilan HACCP dan GMP.
- h) Membuat permohonan lesen premis kepada PBT.
- i) Mengemukakan permohonan kebenaran merancang, pelan/permit bangunan dan lesen premis kepada PBT.

5.2.3 Tapak / Bangunan Warisan

Jawatankuasa Kerja Teknikal Bangunan Warisan (TWGBW) akan bersidang untuk menilai setiap premis pemprosesan sarang burung walit di kawasan warisan. Ahli-ahli TWGBW terdiri daripada Jabatan Warisan Negara, JPV, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan Wakil Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Malaysia. Berdasarkan penilaian ini, surat akuan akan diberi kepada PBT untuk saranan kesesuaian aktiviti pemprosesan sarang burung walit sama

ada boleh diteruskan, dibatalkan atau diubahsuai berdasarkan syarat yang ditetapkan.

- a) Bangunan/tapak warisan adalah seperti mana yang telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia (*World Heritage Site*) oleh UNESCO atau telah diwartakan oleh Pesuruhjaya Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).
- b) Premis baru dibenarkan beroperasi setelah diputuskan oleh TWGBW.
- c) Perubahan apa-apa fasad dan struktur luaran atau dalaman dengan kebenaran TWGBW.
- d) Mendaftar dengan JPV untuk mendapatkan sijil VHM dan daya jejak bagi tujuan kawalan penyakit haiwan.
- e) Mendaftar dengan KKM bagi tujuan persijilan HACCP dan GMP.
- f) Membuat permohonan lesen premis kepada PBT

5.3 Lesen Premis Pemprosesan

- a) Untuk tujuan pelesenan, PBT akan mendapatkan ulasan JPV dan KKM untuk mana-mana pengusaha yang mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Audit premis akan dijalankan sekurang-kurang 1 kali setahun.
- b) Pihak PBT akan mengeluarkan lesen kepada pemohon yang mematuhi 1GP. Lesen perlu diperbaharui setiap tahun.

5.3.1 Keperluan Lesen

- a) Mana-mana pengusaha yang menjalankan aktiviti pemprosesan sarang burung walit di mana-mana tempat atau premis dalam kawasan PBT terlebih dahulu mendapat lesen daripada PBT.
- b) Setiap lesen yang dikeluarkan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan atau dikenakan di dalamnya dari semasa ke semasa.
- c) Setiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil PBT hendaklah menyatakan nama pemegang lesen, letaknya premis dan alamat surat-menyurat.
- d) Setiap pemegang lesen hendaklah sentiasa mempamerkan salinan lesennya pada setiap masa di suatu tempat yang mudah dilihat di premis yang dilesenkan itu dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai PBT.
- e) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mempamerkan atau gagal mengemukakan lesen apabila diminta berbuat demikian oleh pegawai PBT adalah melakukan satu kesalahan.

5.3.2 Syarat Permohonan Lesen

- a) Semua pengusaha yang menjalankan aktiviti pemprosesan sarang burung walit perlu mengikuti kursus GMP sekali sahaja serta mendapatkan latihan dan khidmat nasihat daripada JPV dan KKM dan menyertakan sijil kehadiran kursus oleh JPV semasa mengemukakan permohonan lesen.
- b) Setiap premis walit perlu memperolehi CFO/CCC atau permit bangunan atau resit cukai pintu terkini.

- c) Pemohon digalakkan menjadi ahli Persatuan Pengilang Sarang Burung Walit mengikut negeri.

5.3.3 Proses Permohonan Lesen

- a) Proses permohonan lesen boleh dikemukakan melalui kaunter PBT atau secara *on-line*, (e-PBT).
- b) PBT menerima ulasan dan perakuan dari semua jabatan/agensi teknikal.
- c) PBT membawa permohonan ke Jawatankuasa Pelesenan PBT untuk pertimbangan dan kelulusan.
- d) PBT memaklumkan keputusan Jawatankuasa Pelesenan PBT sama ada lulus atau tolak kepada pemohon dan JPV.
 - Rujuk Rajah 1: Proses Pendaftaran dan Perlesenan Premis Burung Walit Bersyarat (1 tahun)

5.3.4 Tempoh Sah Laku Lesen

- a) Tempoh sah laku lesen adalah sehingga 3 tahun. Tarikh luput lesen adalah pada tarikh yang sama tahun berikutnya, iaitu sama seperti yang diamalkan bagi permohonan lesen memandu.
- b) PBT boleh menurut budi bicaranya untuk tidak memberi atau memperbaharui, membatalkan, memotong atau menggantung sesuatu lesen, meminda atau mengubah tempoh, had dan syarat-syarat lesen setelah memberi sebab dalam tempoh yang munasabah.

- c) PBT boleh dalam mana-mana kes sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran terhadap undang-undang kecil ini atau syarat-syarat yang ditetapkan atau dikenakan ke atas sesuatu lesen, membatalkan atau menggantung lesen itu mengikut keputusan Jawatankuasa Pelesenan PBT.

5.3.5 Fi Lesen

- a) Fi lesen ditetapkan oleh PBT berdasarkan Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian PBT.
- b) Bayaran yang dibayar bagi sesuatu lesen tidak boleh dibayar balik apabila sesuatu lesen itu dibatalkan atau digantung.

5.3.6 Pindah Milik Lesen

Sebarang urusan yang berkaitan pindah milik lesen adalah berdasarkan Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian PBT.

5.3.7 Tanggungjawab Pemegang Lesen

Pemegang lesen hendaklah mematuhi semua syarat pelesenan seperti yang telah ditetapkan dalam garis panduan dan Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian PBT.

5.4 Amalan Baik Pengilangan (GMP) untuk Memproses EBN-Mentah Siap Bersih (*Raw-Clean*) dan EBN-Mentah Belum Bersih (*Raw-Unclean*)

Objektif *Malaysian Standard (MS 2333:2010 - Good Manufacturing Practices (GMP) for Processing Raw-Clean and Raw-Unclean EBN)* ini adalah untuk menyediakan panduan bagi pemproses sarang burung walit

untuk penghasilan sarang burung walit yang berkualiti dan selamat untuk dimakan.

- a) MS ini meliputi spesifikasi *raw-unclean EBN* semasa penyusunan, penggredan dan pembungkusan.
- b) MS ini meliputi penghasilan *raw-clean EBN* daripada penerimaan *raw-unclean EBN* termasuk penyusunan, perendaman, pemungutan, pengasingan bendasing, pembentukan (*moulding*), pengeringan dan pembungkusan *raw-clean EBN* berkualiti dan selamat.

5.4.1 Kriteria GMP adalah seperti berikut:

5.4.1.1 Fasiliti dan Susun Atur

Lokasi dan Pendaftaran

- a) Premis pemprosesan akan berdaftar dengan JPV dengan dibantu oleh Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Malaysia dan dilesenkan oleh PBT. Premis juga perlu berdaftar dengan KKM. Premis ini mesti selaras dengan GMP dan dibenarkan oleh pihak berwajib yang berkaitan.

5.4.1.2 Reka Bentuk dan Susun Atur Premis

Pelan reka bentuk dan susun atur premis harus dirancang supaya keadaan produk hasilnya di tahap pencemaran yang minimum dan aliran bahan mentah ke produk hasilnya semasa pemprosesan mestilah sehalu. Penyediaan suhu dan kelembapan yang sesuai untuk pemprosesan dan penyimpanan sarang burung walit perlu diambil kira semasa membuat perancangan reka bentuk premis.

5.4.1.3 Peralatan

Semua perkakas dan peralatan yang digunakan untuk *raw-unclean EBN* dan *raw-clean EBN* mestilah diperbuat daripada bahan yang tahan lama dan tahan lasak, tidak merosak, nyahtoksik, tidak karsinogenik dan memudahkan pembersihan serta disinfeksi.

5.4.1.4 Fasiliti

5.4.1.4.1 Bekalan Air

Air yang selamat diminum (*potable water*) adalah seperti yang ditentukan dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Air yang tidak selamat diminum (*non-potable water*) diharuskan mempunyai sistem yang berasingan.

5.4.1.4.2 Perparitan dan Pembuangan Sisa

Sistem perparitan dan kemudahan pembuangan sisa harus disediakan. Ia haruslah direka dan dibina supaya risiko pencemaran terhadap sarang burung walit atau bekalan air selamat diminum dapat dielakkan. Kemudahan perparitan harus mencukupi selaras dengan tujuannya.

5.4.1.4.3 Kemudahan untuk Pembersihan Premis dan Peralatan

Semua bahan kimia, bahan pembersih dan pembasmi kuman yang digunakan dalam premis diletak agar tidak menjejaskan *wholesomeness raw-clean EBN* dan sarang burung walit yang diproses untuk dimakan.

5.4.1.4.4 Kemudahan Kebersihan Kakitangan

Kemudahan kebersihan kakitangan harus disediakan agar tahap kebersihan kakitangan terpelihara dan pencemaran makanan dapat

dilakkan. Kemudahan ini adalah termasuk alat-alat serta perkakas dan bilik untuk menukar pakaian untuk pekerja. Tandas haruslah dijaga kebersihannya dan kemudahan membasuh tangan disediakan.

5.4.1.4.5 Kualiti Udara dan Ventilasi

Ventilasi semulajadi atau mekanikal yang mencukupi perlu disediakan. Sistem ini patut direka dan didirikan supaya aliran udara bukan dari kawasan yang tercemar ke kawasan yang bersih dan ianya sentiasa diselenggara dan dibersihkan.

5.4.1.4.6 Pencahayaan

Pencahayaan mencukupi di premis pemprosesan mengikut piawaian CODEX seperti mana yang dinyatakan dalam GMP.

5.4.1.4.7 Penyimpanan

Apabila perlu, kemudahan penyimpanan untuk produk hasilan, bahan *raw-unclean EBN*, bahan pembungkusan dan bahan kimia bukan makanan seperti bahan pencuci dan bahan berbahaya, disediakan secara berasingan.

5.4.1.4.8 Kawalan Operasi

Pengusaha sarang burung walit seharusnya mengawal bahaya makanan (*food hazards*) bertepatan dengan kehendak GMP.

5.4.2 Kunci Aspek Kepada Sistem Kawalan Kesihatan

5.4.2.1 Kawalan Masa dan Suhu

Sistem seeloknya dipastikan supaya suhu dapat dikawal secara berkesan di mana keselamatan dan kesesuaian produk hasilan sarang

burung walit adalah kritikal. Sistem sebegitu seharusnya juga ditentukan limit *tolerable* untuk variasi masa dan suhu. Makanan yang boleh menyumbang kepada pembiakan mikroorganisma, terutamanya yang mempunyai kepentingan dalam kesihatan awam, seharusnya dikendalikan secara betul agar makanan tidak tercemar. Pelaksanaan mengikut syarat ini boleh dicapai *by any effective means*, termasuk:

- a) Mengekalkan penyejukan sarang burung walit pada 4°C atau lebih rendah sesuai dengan makanan yang disimpan.
- b) Mengekalkan pembekuan sarang burung walit pada -18°C atau lebih rendah.
- c) Mengekalkan hasil sarang burung walit pada 60°C atau lebih rendah.

5.4.2.2 Kawalan Bahan Pencemar (Biologikal, Kimia, Fizikal)

Sistem pemprosesan seharusnya direka untuk mengelak kemungkinan-kemungkinan *cross contamination* antara *raw-clean EBN* dan *raw-unclean EBN* semasa pemprosesan dan pembersihan serta program pembasmian kuman mestilah dilakukan secara berterusan.

5.4.3 Bahan-Bahan Mentah

5.4.3.1 *Raw-Unclean EBN*

Raw-unclean EBN yang akan digunakan dalam penghasilan semestinya daripada gua atau ladang dan luar negara tetapi mestilah

memenuhi kehendak pengimportan dengan pengesahan daripada JPV.

5.4.3.2 Bahan Pembungkusan

Bahan-bahan pembungkusan seharusnya nyahtoksik atau tidak karsinogenik.

5.4.4 Pemprosesan

5.4.4.1 Secara Umum

Kebersihan dan amalan kebersihan seharusnya dipelihara sepanjang berada dalam premis dan yang lebih penting operasi premis seharusnya dikendalikan secara betul di mana perkara-perkara berikut:

- a) Penerimaan bahan-bahan mentah
- b) Penyusunan
- c) Pembersihan
- d) Pembentukan (*moulding*)
- e) Pengeringan
- f) Pembungkusan dan penimbangan
- g) Rekod-rekod dan dokumen-dokumen
- h) Pengagihan
- i) Daya jejak
- j) Penilaian (*marking*)

tidak tercemar secara pencemaran silang dan GMP sentiasa dikekalkan.

5.4.4.2 Prosedur Kawalan Keselamatan Produk

Kawalan keselamatan produk mestilah dipatuhi oleh pengusaha selaras dengan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

5.4.4.3 Pembersihan dan Penyelenggaraan

Prosedur pembersihan dan penyelenggaraan kemudahan premis dan peralatan seharusnya didokumentasi dan dikekalkan.

5.4.4.4 Kawalan Haiwan Perosak

Program yang berkesan dan berterusan seharusnya disediakan untuk mengawal haiwan perosak. Racun haiwan perosak yang digunakan mestilah mengikut arahan pengilangnya.

5.4.4.5 Kebersihan Kakitangan

Kakitangan yang terlibat dalam pengendalian *raw-unclean EBN* dan *raw-clean EBN* harus memakai pakaian termasuk kasut yang bersih dan penutup kepala yang boleh dibasuh atau pakai buang. Amalan mencuci dan membersihkan tangan setiap kali bermulanya kerja dan apabila tangan kotor terutamanya selepas menggunakan tandas.

5.4.4.6 Latihan

Pengurus-pengurus premis seharusnya mengatur latihan yang cukup dan berterusan untuk semua pengendali makanan dalam pengendalian makanan secara bersih dan kebersihan kakitangan supaya mereka faham akan langkah berjaga-jaga yang perlu diambil untuk mengelak pencemaran makanan. Pekerja seharusnya dilatih untuk mengembangkan kemahiran dalam pemprosesan sarang burung walit.

5.4.4.7 Pemeriksaan Premis

Pihak berkuasa akan melawat premis dari masa ke semasa. Sampel akan diambil apabila perlu untuk analisis makmal.

6 EKSPORT DAN IMPORT SARANG BURUNG WALIT

6.1 Eksport

6.1.1 Syarat Eksport

Selaras dengan jaminan kualiti dan keselamatan makanan dan bukan makanan serta kebersihan premis perladangan, pengusaha-pengusaha sarang burung walit digalakkan supaya mengamalkan GAHP dan memperolehi persijilan Skim Akreditasi Ladang Ternakan (SALT). Bagi memastikan kualiti dan keselamatan produk, pemprosesan sarang burung walit perlu ada dan mengamalkan Program Jaminan Keselamatan Makanan seperti dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 atau mendapat persijilan *Veterinary Health Mark* (VHM).

Sarang burung walit boleh mendapatkan persijilan halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan mematuhi tatacara MS1500:2004 (*Halal Food*).

6.1.2 Keperluan Permit Eksport

a) Eksport sarang burung walit perlu mendapatkan permit eksport daripada JPV.

Permohonan permit eksport hendaklah dibuat bagi setiap konsainmen eksport sarang burung walit.

b) Setiap pemegang permit eksport perlu mempamerkan permitnya dan hendaklah mengemukakan permitnya jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana Pihak Berkuasa Veterinar atau Kastam Diraja Malaysia.

- c) Mana-mana pemegang permit eksport yang tidak mengemukakan permitnya apabila diminta berbuat demikian oleh Pihak Berkuasa Veterinar atau Kastam Diraja Malaysia adalah melakukan satu kesalahan.
- d) Keperluan permit eksport untuk **souvenir** adalah dikecualikan bagi EBN **tidak melebihi 1 kilogram** dari premis yang mempunyai sijil **GAHP** dan **GMP**.

6.1.3 Syarat Permohonan Permit Eksport

- a) Setiap permohonan bagi sesuatu permit eksport hendaklah dibuat secara bertulis atau *on-line* kepada JPV dalam borang yang ditetapkan.
- b) Pemohon perlu mengisi borang manual atau *on-line* dengan lengkap.
- c) Pemohon juga perlu melampirkan syarat-syarat import negara pengimport untuk memudahkan proses pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) / Sijil Kesihatan (SK).

6.1.4 Proses Permohonan Permit Eksport

- a) Pemohon mengemukakan permohonan permit eksport dengan dokumen yang lengkap kepada pihak JPV Negeri.
- b) Kelulusan permohonan akan diberitahu dalam masa 2 hari bekerja.

6.1.5 Fi Permit Eksport

- a) Fi bagi setiap permit eksport adalah tertakluk kepada kadar yang telah ditetapkan oleh JPV Negeri.
- b) Bayaran yang dibayar bagi sesuatu permit eksport tidak boleh dikembalikan apabila sesuatu permit itu dibatalkan.

6.1.6 Tempoh Sah Laku Permit Eksport

- a) Tempoh tamat atau sah laku sesuatu permit eksport adalah **30 hari** selepas permit itu dikeluarkan.
- b) Pemohon perlu membuat permohonan semula sekiranya permit eksport telah tamat tempoh.
- c) JPV boleh menurut budi bicaranya untuk tidak memberi atau memperbaharui, membatalkan, memotong atau menggantung sesuatu permit eksport, meminda atau mengubah tempoh, had dan syarat-syarat permit eksport setelah memberi sebab dalam tempoh yang munasabah.

6.1.7 Keperluan SKV/SK

- a) Semua pengeksportan sarang burung walit dari negara yang memerlukan persijilan SKV adalah dikeluarkan oleh JPV Negeri; atau
- b) Semua pengeksportan sarang burung walit yang memerlukan SK adalah dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah.

6.1.8 Fi

Semua pengeksportan sarang burung walit perlu membayar fi mengikut undang-undang yang ditetapkan.

6.1.9 Tempoh Sah Laku SKV/SK

Tempoh sah laku SKV/SK adalah tertakluk di bawah bidang kuasa JPV Negeri / Pejabat Kesihatan Daerah.

6.1.10 Persampelan Makmal (bergantung kepada negara pengimport)

6.1.10.1 Kekerapan Mengambil Sampel (Minimum):

- a) Premis SALT / Premis Perladangan : 2 kali setahun
- b) Premis Pemprosesan : 2 kali setahun
- c) Loji VHM : 1 kali setahun

6.1.10.2 Persampelan:

6.1.10.2.1: Pengambilan sampel swab najis di premis perladangan burung walit		
Media Pengangkutan Sampel	<i>Buffered peptone water (BPW) (1 swab in 10 ml), 10 swab per house</i>	
Ujian	Mengikut keperluan negara pengimport Ujian Virus: <i>Newcastle Disease (ND)</i> <i>Highly Pathogenic Avian Influenza (HPAI)</i> <i>Low Pathogenic Avian Influenza (LPAI)</i> Ujian Bakteria: <i>Salmonella species</i>	
6.1.10.2.2: Premis pemprosesan : GMP		
<i>Samples Sampling of 10 +/- 1 gm/ml is taken per batch production or per consignment traded)</i>	<i>Raw-unclean EBN</i> <i>Raw-clean EBN</i> <i>Powdered EBN</i> <i>Liquid EBN</i>	
Kaedah	Ujian Makmal	Harga

<i>Petri Film</i>	<i>TPC</i>	RM3
	<i>Coliform</i>	RM7
	<i>E. coli</i>	RM5
	<i>Yeast & mould</i>	RM7
	<i>Staph. aureus</i>	RM1502/Kit (40 tests/kit)
	<i>Salmonella</i>	

6.1.10.3 Lain-lain Ujian

- *Feed Additive*
- Ujian Kimia (e.g. Nitrate NO₃)
- Ujian Logam Berat
- *Preservative* (Pengawet)
- *Adultration* (Pemalsuan)
- Ujian Kelembapan

6.2 Import

6.2.1 Keperluan Permit Import

- Import sarang burung walit perlu mendapatkan permit import daripada JPV.
- Permohonan permit import hendaklah dibuat bagi setiap konsainmen import sarang burung walit.
- Setiap pemegang permit import perlu mempamerkan permitnya dan hendaklah mengemukakan permitnya jika dikehendaki berbuat

demikian oleh mana-mana Pihak Berkuasa daripada mana-mana agensi Kerajaan yang berkaitan.

- d) Mana-mana pemegang permit import yang tidak mengemukakan permitnya apabila diminta berbuat demikian oleh Pihak Berkuasa daripada mana-mana agensi Kerajaan yang berkaitan adalah melakukan satu kesalahan.
- e) Pihak JPV akan mengeluarkan permit import bagi produk *raw-clean EBN* dan *raw-unclean EBN* dari negara yang bebas penyakit wajib lapor (*notifiable disease*) dan SKV/SK dari negara pengeksport.

6.2.2 Syarat Permohonan Permit Import

- a) Setiap permohonan bagi sesuatu permit import hendaklah dibuat secara bertulis atau *on-line* kepada JPV dalam borang yang ditetapkan.
- b) Pemohon perlu mengisi borang manual atau *on-line* dengan lengkap.
- c) Negara pengeksport perlu mematuhi syarat-syarat import Malaysia.

6.2.3 Proses Permohonan Permit Import

- a) Pemohon mengemukakan permohonan permit import dengan dokumen yang lengkap kepada pihak Ibu Pejabat JPV.
- b) Kelulusan permohonan akan diberitahu dalam masa 2 hari bekerja.

6.2.4 Fi Permit Import

- a) Fi bagi setiap permit import adalah mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh undang-undang berkaitan.

- b) Bayaran yang dibayar bagi sesuatu permit import tidak boleh dikembalikan apabila sesuatu permit import itu dibatalkan.

6.2.5 Tempoh Sah Laku Permit Import

- a) Tempoh tamat atau sah laku sesuatu permit import adalah 30 hari selepas permit itu dikeluarkan.
- b) Pemohon perlu membuat permohonan semula sekiranya permit import telah tamat tempoh.
- c) JPV boleh menurut budi bicaranya untuk tidak memberi atau memperbaharui, membatalkan, memotong atau menggantung sesuatu permit import, meminda atau mengubah tempoh, had dan syarat-syarat permit import setelah memberi sebab dalam tempoh yang munasabah.

6.2.6 Persampelan Makmal yang perlu:

6.2.6.1 Persampelan:

6.2.6.1.1: Pengambilan sampel swab najis di premis perladangan burung walit	
Media Pengangkutan Sampel	<i>Buffered peptone water (BPW) (1 swab in 10 ml), 10 swab per house</i>
Ujian	Mengikut syarat import Malaysia Ujian Virus: <i>Newcastle Disease (ND)</i> <i>Highly Pathogenic Avian Influenza (HPAI)</i> <i>Low Pathogenic Avian Influenza (LPAI)</i> Ujian Bakteria: <i>Salmonella species</i>

6.2.6.1.2: Premis pemrosesan : GMP	
<p><i>Sample</i></p> <p><i>(Sampling of 10 +/- 1 gm/ml is taken per batch production or per consignment traded)</i></p>	<p><i>Raw-unclean EBN</i> <i>Raw-clean EBN</i> <i>Powdered EBN</i> <i>Liquid EBN</i></p>

Kaedah	Ujian Makmal	Harga
<i>Petri Film</i>	<i>TPC</i>	RM3
	<i>Coliform</i>	RM7
	<i>E. coli</i>	RM5
	<i>Yeast & mould</i>	RM7
	<i>Staph. aureus</i>	RM7
	<i>Salmonella</i>	RM1502/Kit (40 tests/kit)

6.2.6.2 Lain-lain ujian

- *Feed Additive*
- Ujian Kimia (e.g Nitrate NO₃)
- Ujian Logam Berat
- *Preservative* (Pengawet)
- *Adultration* (Pemalsuan)
- Ujian Kelembapan

7 PENDAFTARAN PREMIS PERLADANGAN BURUNG WALIT DAN PREMIS PEMROSESAN SARANG BURUNG WALIT OLEH JPV

Pendaftaran kekal menggunakan tanda pengenalan *Radio Frequency Identification* (RFID) akan diberi untuk setiap premis burung walit. Satu kad pengenalan premis akan dikeluarkan kepada pengusaha. Ini diperlukan untuk pengesahan tuannya dan daya jejak biosekuriti serta *sanitary and phytosanitary* (SPS). Data akan dikumpulkan di Pusat Daftar Setempat, Ibu Pejabat JPV, Putrajaya.

7.1 Pendaftaran Premis

7.1.1 Keperluan Pendaftaran

Setiap premis burung walit diwajibkan mendaftar dengan JPV bagi tujuan kawal selia aktiviti perladangan burung walit dan pemprosesan sarang burung walit.

7.1.2 Syarat Permohonan Pendaftaran

Pemohon disyaratkan menghadiri kursus GAHP atau GMP anjuran JPV dan memiliki bangunan yang hendak dijadikan sebagai premis perladangan atau pemprosesan.

7.1.3 Proses Permohonan Pendaftaran

Proses permohonan pendaftaran boleh dilakukan melalui Sistem e-Permit 2 (Premis Walit) di mana-mana pejabat veterinar yang terdekat secara *online*.

Pemohonan yang lulus semakan didaftarkan oleh JPV dan perlu membuat bayaran fi. Kad Pengenalan Premis dikeluarkan kepada pemohon. Proses permohonan ini mengambil masa 5 hari bekerja.

7.1.4 Tempoh Sah Laku Pendaftaran

Tiada had tempoh sah laku pendaftaran premis. Walaubagaimanapun, pendaftaran premis adalah terbatal mengikut Kaedah-Kaedah Binatang (Pendaftaran Premis Bagi Burung Walit) 2010.

7.1.5 Fi Pendaftaran

Secara ringkasnya kadar bayaran fi yang dikenakan oleh JPV adalah mengikut undang-undang yang ditetapkan.

7.1.6 Pindah Milik Pendaftaran

Jika premis dimiliki lebih daripada seorang pemilik, pendaftaran premis hendaklah dibuat oleh salah seorang pemilik premis itu sahaja. Tukar milik pendaftaran premis burung walit haruslah dikemukakan permohonan secara bertulis kepada JPV.

Semua tanggungjawab adalah kepada pemilik baru yang diperakukan dan diluluskan oleh JPV. Walau bagaimanapun, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar mempunyai kuasa untuk membatalkan mana-mana pendaftaran sekiranya butir-butir maklumat adalah melanggar syarat di bawah Kaedah-Kaedah Binatang (Pendaftaran Premis Bagi Burung Walit) 2010.

7.1.7 Tanggungjawab Pemegang Pendaftaran

Seseorang pemegang pendaftaran bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal berkaitan pembayaran kadar fi. Simpanan maklumat pendaftaran hanya dilakukan oleh pemegang pendaftaran. Semua rujukan pengawalseliaan dan pengurusan pendaftaran di bawah tanggungjawab pengusaha berdaftar.

7.1.8 Kad Pengenalan Premis

Kad Pengenalan Premis dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Veterinar kepada pengusaha premis.

7.1.9 Tanda Pengenalan Hasil dan Hasilan Burung Walit

Hasil dan hasilan yang dikeluarkan oleh sesebuah premis perladangan dan pemprosesan sarang burung walit hendaklah diberi tanda pengenalan.

8 PENDAFTARAN PREMIS PEMROSESAN PRODUK SARANG BURUNG WALIT BAGI TUJUAN PRODUK MAKANAN UNTUK MANUSIA DAN DAYA JEJAK OLEH KKM

8.1 Pendaftaran Premis

Semua premis pemprosesan produk sarang burung walit hendaklah berdaftar dengan KKM sebagaimana dinyatakan di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

8.2 Proses Permohonan Pendaftaran

Pendaftaran premis boleh dibuat sama ada secara dalam talian atau manual di Jabatan Kesihatan Negeri atau Pejabat Kesihatan Daerah yang berhampiran.

8.3 Tempoh Sah Laku Pendaftaran

Sah laku pendaftaran adalah tidak melebihi 3 tahun dari tarikh perakuan dikeluarkan.

8.4 Fi Pendaftaran

Tiada fi dikenakan untuk pendaftaran semua jenis premis makanan.

8.5 Pindah Milik Pendaftaran

Premis pemprosesan sarang burung walit yang berdaftar yang telah bertukar milik, maklumat tersebut hendaklah dikemas kini sama ada secara dalam talian atau manual di Jabatan Kesihatan Negeri atau Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran.

8.6 Tanggungjawab Pemegang Pendaftaran

Pemilik premis pemprosesan sarang burung walit mesti mempamerkan perakuan pendaftaran di premis masing-masing sebagaimana dinyatakan di bawah Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

8.7 Pelabelan

Semua produk sarang burung walit hendaklah dibungkus dan dilabel mengikut kehendak Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

8.8 Daya Jejak

Perlu ada sistem daya jejak sebagaimana dinyatakan di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

9 PERKONGSIAN MAKLUMAT


Semua agensi pelaksana perlu menyalurkan semua maklumat yang berkaitan industri walit kepada agensi peneraju dan sebaliknya mengikut keperluan.


PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat, secara langsung dan tidak langsung dari mula hingga akhir 1GP ini diterbitkan. Kejayaan ini adalah usaha sama semua.

*Bersatu teguh
Bercerai roboh*


Rajah 1






Rajah 2


B. Permohonan Pendaftaran dan Perlesenan Premis Walit-Baru






Rajah 3


C. Pembaharuan Lesen Premis Walit

	<u>Proses</u>	<u>Agensi</u>	<u>Masa</u>
	Permohonan pembaharuan lesen	Pemohon	1 hari



Rajah 4

Tatacara Permohonan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) Sarang Burung Walit oleh Premis Bersijil SALT / Loji GMP / VHM




Rajah 5

Tatacara Permohonan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) Sarang Burung Walit oleh Premis tidak Bersijil SALT / Loji GMP / VHM

Proses

Masa




Rajah 6

Tatacara Permohonan Permit Eksport Sarang Burung Walit


Proses


Masa



Rajah 7

Tatacara Permohonan Permit Import Sarang Burung Walit






Rajah 8

Kitaran Tahunan Pembiakan Burung Walit


<p>93.8% breeding Average egg produced/pair =1.49 Average nestling raised/pair =0.97 Replacement egg = - NA-</p>	<p>59.7% breeding Average egg produced/pair = 0.77 Average nestling raised/pair =0.44 Replacementegg =108 ±14 days</p>	<p>96.1 %breeding Average egg produced/pair = 1.88 Average nestling raised/pair =1.32 Replacement egg = 47 ± 10 days</p>
---	---	---

Sarang putih



Sarang hitam

Replacement egg = 17 ± 3 days Average nestling raised/pair = 0.68 Average egg produced/pair = 1.22 91.6% breeding	Replacement egg = 82 ± 20 days Average nestling raised/pair = 0.57 Average egg produced/pair = 0.95 77.8% breeding	Replacement egg = 19 ± 6 days Average nestling raised/pair = 0.79 Average egg produced/pair = 1.35 91.6% breeding
--	---	--



Second Breeding Bout
(halfway of breeding season)



Third Breeding Bout
(period Intense moult)



First Breeding Bout
(start of annual breeding season)

Sumber:
Dr. Lim Chan Kun